


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



World
University
Rankings
2023 TOP 1501+



MDEC
Premier Digital
Tech Institution



THE IMPACT
RANKINGS
2022 TOP 101-200



BELI EMAS ONLINE: TREND BARU, KLIK-KLIK TERUS JADI PELABURAN!

**Masrul Hayati Kamarulzaman,
Nurain Farahana Zainal Abidin,
Asiah Ali, Asma' Rashidah Idris,
Zuliana Zoolkefli, Azila Sahrim &
Ahmad Farouk Bin Zulkifli**


Jika dulu pembelian emas memerlukan lawatan ke kedai fizikal, menunggu giliran dan berurusan dengan jurujual, kini prosesnya jauh lebih mudah. Dengan hanya beberapa klik melalui aplikasi seperti Shopee, TikTok Shop, Public Gold Mall atau platform perbankan digital, emas boleh dimiliki terus tanpa perlu keluar rumah. Perubahan ini menjadi salah satu trend menarik yang semakin digemari oleh generasi muda. Faktor kemudahan dan ketelusan harga menjadikan emas online semakin popular. Harga dipaparkan mengikut pasaran dunia secara masa nyata, membolehkan pengguna membuat perbandingan sebelum membeli. Selain itu, pilihan produk juga pelbagai, daripada jongkong kecil 0.5 gram hinggalah barang kemas yang lebih besar. Lebih menarik, pembelian emas secara online sering disertakan dengan promosi seperti baucar, penghantaran percuma dan ganjaran mata e-dagang, menjadikan pengalaman membeli lebih berbaloi.

Golongan muda berusia 25 hingga 35 tahun kini semakin cenderung menjadikan emas sebagai simpanan masa depan. Bank besar seperti Maybank dan CIMB telah melancarkan platform digital khas untuk pembelian emas, manakala emas digital melalui aplikasi semakin digemari kerana ia boleh dibeli dengan nilai serendah RM10 sahaja. Menurut BusinessWire (2025), pasaran Buy Now Pay Later (BNPL) di Malaysia dijangka mencecah USD2.52

bilion pada tahun 2025, dengan ShopeePayLater menjadi salah satu pemacu utama bagi trend pembelian emas online.

Golongan muda berusia 25 hingga 35 tahun kini semakin cenderung menjadikan emas sebagai simpanan masa depan. Bank besar seperti Maybank dan CIMB telah melancarkan platform digital khas untuk pembelian emas, manakala emas digital melalui aplikasi semakin digemari kerana ia boleh dibeli dengan nilai serendah RM10 sahaja. Menurut BusinessWire (2025), pasaran Buy Now Pay Later (BNPL) di Malaysia dijangka mencecah USD2.52 bilion pada tahun 2025, dengan ShopeePayLater menjadi salah satu pemacu utama bagi trend pembelian emas online.

Namun, seperti mana-mana bentuk pelaburan, pembelian emas online juga mempunyai risiko. Pembeli perlu berhati-hati dengan penjual tidak sah serta tawaran harga terlalu murah. Konsep spread atau beza harga belian dan jualan semula juga perlu difahami, di samping memastikan resit dan sijil ketulenan disimpan untuk tujuan jual balik. Bagi pembelian emas fizikal, keselamatan penghantaran perlu diberi perhatian dengan memilih kurier yang menawarkan perlindungan insurans.




Graf 1: Permintaan emas fizikal Malaysia (2018–2022) dalam tan metrik. Sumber: Singapore Bullion Market Association. (2023)


Graf 1 diatas menunjukkan bahawa permintaan runcit emas dalam bentuk bar dan duit syiling mencatat peningkatan, dari sekitar 3.9 tan pada 2020 kepada 5.5 tan pada 2022. Ini menandakan permintaan emas yang tinggi selepas fasa penurunan semasa pandemik. Walaupun data ini tidak khusus untuk pembelian secara online, ia memberi

gambaran bahawa segmen pelaburan emas yang banyak berlaku melalui platform digital atau online sedang meningkat dengan signifikan. Data daripada Harga Emas Malaysia (2025) menunjukkan harga semasa berada sekitar RM489 per gram (September 2025), mengukuhkan kedudukan emas sebagai aset lindung nilai yang stabil. Dengan berkembangnya e-wallet dan pembayaran fleksibel seperti ShopeePayLater menjadikan emas semakin mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat. Walau bagaimanapun, pelaburan emas memerlukan disiplin dan ilmu kewangan yang mencukupi agar ia benar-benar memberi manfaat.

Secara keseluruhan, emas online bukan sekadar trend digital tetapi satu peluang pelaburan masa depan. Jika diurus dengan bijak, ia mampu menjadi aset bernilai yang melindungi kewangan ketika ekonomi tidak menentu.



Gambar 1: HABIB Online Store di Shopee memaparkan pelbagai produk emas dan perak dengan promosi khas. Sumber: Shopee (2025).



Gambar 2: Tomei Official Store di Shopee menawarkan koleksi emas eksklusif melalui Shopee Mall. Sumber: Shopee (2025).